

KEPENTINGAN ILMU FALAK DALAM KEHIDUPAN

Oleh : Mohamad Faizal Bin Jani,
Pegawai Falak, Bhgn Falak,
Jabatan Mufti Negeri Perak

Membincangkan tentang betapa 'pentingnya' satu perkara dalam kehidupan adalah sangat perbincangan yang subjektif. Secara mudahnya, mungkin seseorang beranggapan bahawa satu perkara itu penting pada dirinya namun tidak bagi orang lain. Namun dalam kekhilafan itu kita umat manusia masih berkongsi kepentingan dalam beberapa perkara. Contohnya air, udara, makanan dan minuman. Semua itu dipersetujui adalah satu kepentingan bagi hidup kita. Namun, kadang-kadang kita juga terlupa bahawa ia adalah satu kepentingan hinggalah saat ketika kita kehilangannya. Mungkin kerana faktor untuk mendapatkan kepentingan-kepentingan tersebut begitu mudah, menyebabkan kita lupa ia adalah kepentingan.

Ilmu Falak adalah satu ilmu yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Penting atau tidak ilmu ini, kita dapat ukur dari perbincangan ayat al-Quran yang menurut Syeikh Jawhari Tantawi dalam tafsirnya menyebutkan bahawa tidak kurang dari 700 ayat al-Quran yang membincangkan persoalan kauniyat. Sebagai seorang mukmin, secara pastinya kita merasakan peri penting satu isu itu, walau sekali saja pun isu tersebut disebutkan dalam al-Quran malah Hadis. Namun jika sudah sampai 700 ayat al-Quran yang membincangkannya, nampaknya tiada persoalan lagi untuk kita menyatakan bahawa peri pentingnya ilmu falak itu dalam kehidupan. Begitu banyak dan tegas al-Quran memperingatkan manusia agar kita sentiasa mengkaji, mengambil pelajaran dan meneliti alam ini. Antaranya firman Allah S.W.T dalam surah Yunus : 5 :

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ اللَّيْلِ وَالنَّجْمِ مَا خَلَقَ اللَّهُ
ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya : "Dia lah Yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah Yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan Dengan adanya faedah dan gunanya Yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesarannya) satu persatu bagi kaum Yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu Yang dijadikanNya)."

عن ابن ابي أوفى رضى الله عنه أن النبي ﷺ :

" ان خيار عباد الله, الذين يراعون الشمس والقمر والنجوم لذكر الله."

Maksudnya : “ *Dari ibn Abi Aufa r.a, Sesungguhnya Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya hamba-hamba Allah yang baik, ialah mereka yang memerhatikan matahari, bulan dan bintang untuk mengingati Allah.*”

(Riwayat al-Tabrani)¹

Secara khususnya dalam konteks umat Islam di Malaysia, kepentingan ilmu falak dilihat dalam ruang lingkup yang lebih khusus. Contohnya dalam persoalan penentuan waktu solat, arah kiblat dan penyusunan taqvim hijri dan masihi. 3 isu yang disebutkan tadi ialah 3 isu yang sangat penting dalam kehidupan seorang muslim. Malah pada hari ini, waktu penentuan solat sunat gerhana, penetapan hari raya dan hari-hari kebesaran Islam turut menjadi bidang perbincangan ilmu falak di Malaysia. Sheikh Tahir Jalaluddin menyatakan dalam kitab *Pati Kiraan* bahawa fardhu ain bagi setiap muslim yang mahu musafir atau belayar mengetahui ilmu falak. Ini kerana tanpa mengetahui kaedah penetapan arah kiblat atau masuknya waktu solat akan menyebabkan seorang muslim itu tidak dapat melakukan ibadah solat dengan sempurna.

Secara umumnya pula, ilmu falak menawarkan satu perbincangan yang sangat luas. Jika ditanya berapa luas? Seluas langit dan bumi. Ini kerana perbincangan ilmu falak merangkumi bumi dan langit. Dari isu air, tanah, tumbuhan dan haiwan hinggalah kepada isu awan, matahari, bulan dan bintang ada perbincangan ilmu falak di situ. Contohnya dalam perbincangan air pasang surut yang mempunyai kaitan rapat dengan pergerakan bulan harian dan bulanan. Pergerakan angin dan awan yang mempengaruhi aktiviti pertanian melalui taburan hujan yang turun dan limpahan cahaya matahari.

Namun satu perkara yang sangat penting ialah bagaimana ilmu falak dapat membuktikan dan memberikan dalil akal tentang kewujudan Allah S.W.T. Ini dapat dilihat bagaimana suruhan Allah S.W.T untuk melihat perjalanan, aturan dan keindahan alam sebagai bukti kekuasaan Allah S.W.T. Sudah tentu akal yang waras tidak akan menolak bukti kekuasaan Allah S.W.T yang terdapat dalam alam ini. Maka itu semua adalah bukti betapa pentingnya ilmu falak dalam kehidupan.

Sebagai penutupnya, marilah sama-sama kita merenungi kata-kata Muhammad ibn Jabir al-Battani , yang merupakan salah seorang dari tokoh ulung dalam dunia falak ketika menyatakan kepentingan ilmu falak dalam sejarah ketamadunan manusia berkata:²

“ Ilmu falak telah mendapatkan tempat yang amat istimewa berbanding ilmu-ilmu lain kerana dengannya manusia mampu menyusun takwim, mengenal pasti putaran masa dengan tepat, perubahan musim-musim, mengenalpasti perubahan masa dalam siang dan malam, menjangkakan lokasi dan masa berlakunya gerhana dan mencerap

¹ Hadis riwayat al-Tabrani, al-Bazzar dan al-Hakim dengan katanya shahih sanadnya. Dim¹ Adnan Ali Karmus, 66, *Salamul Uruj ila ilmi al-Manazil wa al-Buruj*, Darul Kutub, Beirut, 2005

² Dr. Shirin Haque-Copilah, *The Role Of Astronomy In Islam*, <http://www.moonsighting.com>

pergerakan planet dalam orbitnya. Namun yang lebih penting ialah semua kajian dan dapatan ilmu falak akan memimpin kita dalam menemui bukti dan fakta keAgungan, keBijaksanaan dan Qudrah Yang Maha Pencipta S.W.T.”